



Parlimen berfungsi sebagai badan perundangan yang bertanggungjawab menggubal undang-undang negara.



Yang di-Pertuan Agong akan dilantik secara bergilir daripada sembilan Raja Melayu.

Negara Demokrasi Berparlimen

Rakyat
berpeluang
memilih
wakil tanpa
paksaan
atau ugutan
mana-mana
pihak

Oleh **Siti Syahirah Suhaimi**
bhmind@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang diamalkan oleh Malaysia mempunyai beberapa ciri yang dibentuk mengikut acuan sendiri berdasarkan kepelbagaian kaum di negara ini.

Guru Sejarah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Alam 2, Pasir Gudang, Johor, Encik Ishak Saidoo, berkata antara ciri-ciri itu termasuklah mempunyai Perlembagaan, Raja Berperlembagaan, Parlimen dan pilihan raya.

Katanya, ciri Perlembagaan bermaksud Malaysia menggunakan sistem pemerintahan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu dokumen rasmi yang menjadi asas kepada pembentukan negara.

"Dokumen berkenaan digunakan sebagai rujukan kepada kerajaan untuk melaksanakan kuasa sekali gus menadbir negara dengan adil dan saksama.

Badan perundangan

"Sistem ini juga perlulah mengikut Institusi Raja

Berperlembagaan di mana Yang di-Pertuan Agong akan dilantik secara bergilir daripada sembilan Raja Melayu sebagai penasihat Perdana Menteri," katanya kepada *BH Minda*, baru-baru ini.

Dari aspek Parlimen pula, ciri berkenaan dilihat penting kerana berfungsi sebagai badan perundangan yang bertanggungjawab menggubal undang-undang negara.

Parlimen Malaysia biasanya terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang mana ahli Dewan Rakyat dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya umum.

Beliau berkata, sistem demokrasi di negara ini juga dapat dilihat melalui proses pilihan raya untuk memilih wakil rakyat di dua peringkat iaitu negeri dan persekutuan.

Kuasa mengundi

"Pilihan raya membolehkan rakyat memilih sendiri kuasa pentadbiran yang disukai mereka setiap lima tahun sekali menerusi undian.

"Menerusi pilihan raya, rakyat bukan sahaja diberi peluang untuk memilih wakil malah, mereka mempunyai kuasa mengundi yang sama rata tanpa paksaan atau ugutan



Malaysia mempunyai banyak parti politik untuk diundi oleh rakyat pada pilihan raya.

daripada mana-mana pihak," katanya.

Katanya, sistem yang diamalkan oleh Malaysia sejak merdeka bukan sahaja mampu menjamin keamanan negara tetapi juga memberi banyak manfaat kepada rakyat.

Ini kerana katanya,

rakyat bukan saja boleh membentuk kerajaan yang diinginkan, malah diberi peluang membabitkan diri dalam pemerintahan negara dan boleh menyuarakan pandangan melalui perwakilan yang dipilih.

Ciri-ciri lain negara Demokrasi Berparlimen:

Politik kepartian
→ Parti politik yang ditubuhkan mempunyai matlamat untuk menyatukan dan menjaga kepentingan kaum masing-masing dengan membawa ideologi tertentu.

Kebebasan dan hak asasi
→ Setiap rakyat diberi kebebasan dan hak asasi untuk bersuara, berkumpul, mengutarakan pendapat, memiliki harta, menganut agama dan melanjutkan pendidikan.

Kuasa pemerintahan
→ Diasingkan kepada tiga badan iaitu perundangan, pelaksana dan kehakiman dengan setiap badan adalah bebas tanpa dipengaruhi oleh institusi lain untuk mengelak pembolotan kuasa.